



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN**  
**, SEGAMAT, JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**1103/1**  
**SPM 2016**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 1**

**Ogos**

**2 ¼ jam**  
**minit**

**Dua jam lima belas**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi halaman bercetak dan halaman tidak bercetak.

*[Lihat halaman sebelah*  
**SULIT**

## Bahagian A

[ 30 markah ]

[ Masa dicadangkan : 45 minit ]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan rumah terbuka pada musim perayaan**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



Bahagian B  
(100 markah)  
Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dapat membina penampilan diri, daya kepimpinan, disiplin diri yang tinggi dan pelbagai sifat yang positif dalam kalangan pelajar. Bincangkan pernyataan di atas.

2. Dalam era globalisasi kini, pengaruh teknologi maklumat memungkinkan manusia berinteraksi dengan lebih mudah, cepat dan efisien

Nyatakan pendapat anda tentang manfaat menguasai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kepada golongan remaja.

3. Pelbagai jenis pengangkutan awam disediakan untuk memudahkan masyarakat bergerak ke sesuatu destinasi. Namun begitu, masalah pengangkutan awam kerap menjadi rungutan dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, anda ingin menyediakan rencana yang bertajuk langkah-langkah meningkatkan kualiti pengangkutan awam di Malaysia.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

4. Kerjasama di peringkat antarabangsa dalam memartabatkan bidang pendidikan dapat menyejahterakan kehidupan masyarakat sejagat.

Jelaskan faedah-faedah yang diperolehi melalui jalinan kerjasama itu.

5. Salah satu bidang yang anda minati ialah penulisan sastera. Anda telah diminta oleh pihak redaksi majalah sekolah untuk menghasilkan sebuah cerpen yang bertemakan penghargaan terhadap jasa warga tua.

Tulis cerpen itu selengkapnya.

KERTAS SOALAN TAMAT